

**KEMPEN CUTI SEKOLAH 2019 AKAUN JUNIOR 3 DALAM 1/i**
*Dikemaskini pada 6 Ogos 2019*
**TEMPOH PROMOSI**

“Kempen Cuti Sekolah 2019 Akaun Junior 3 Dalam 1/i” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank (686191-W) (“HLISB”) bermula pada **7 Ogos 2019** dan berakhir pada **30 September 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

HLB and HLISB secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang diguna pakai untuk Promosi ini (“T&S”):-

**KELAYAKAN**

1. Promosi terbuka kepada semua individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang membuka Akaun Hong Leong Junior 3 Dalam 1 dan/ atau Akaun-i Hong Leong Junior 3 Dalam 1-i (“**Akaun Penyertaan**”) dalam Tempoh Promosi (“**Pelanggan Baru**”).
2. Promosi **TIDAK** terbuka kepada:
  - a) pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat; dan
  - b) Pelanggan Baru yang mempunyai Akaun Penyertaan sebelum Tempoh Promosi.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan berunsur penipuan, melanggar undang-undang atau melakukan kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana fasiliti yang diberikan oleh pihak Bank atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai dan/ atau akan serta-merta terlucaut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

**MEKANIK-MEKANIK PROMOSI**
**Ganjaran Pendaftaran**

4. **Pelanggan Baru** yang memenuhi kriteria berikut:
  - a. Membuka Akaun Penyertaan dalam Tempoh Promosi di mana-mana cawangan Bank dengan penempatan minimum deposit **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00); DAN**
  - b. Mengekalkan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00)** dari tarikh pembukaan akaun hingga 31 Disember 2019, berhak mendapat ganjaran pendaftaran (“**Ganjaran**”), seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Akaun Penyertaan	Akaun Deposit Minimum (RM)	Ganjaran (RM)
Akaun Junior 3 Dalam 1	RM1,000.00	RM50.00
Akaun Junior 3 Dalam 1-i		

5. Pelanggan baru yang memenuhi semua kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4 di akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
6. Ganjaran yang diperuntukkan oleh Bank untuk Promosi ini dihadkan kepada **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00)**, iaitu **empat ribu (4,000) Pelanggan Layak** sahaja sepanjang Tempoh Promosi, atas dasar 'Siapa cepat, dia dapat'. Sekiranya berlaku seri antara Pelanggan Layak, hanya Pelanggan Layak dengan baki akaun tertinggi pada 31 Disember 2019 berhak menerima Ganjaran. Biarpun apa-apa peruntukan yang bertentangan di sini, tiada Ganjaran selanjutnya yang akan diberikan apabila had yang ditetapkan telah tercapai.
7. Setiap Pelanggan Layak berhak mendapat satu (1) Ganjaran sahaja tanpa mengira bilangan Akaun Penyertaan baru yang dibuka sepanjang Tempoh Promosi.
8. Akaun Penyertaan Pelanggan Layak mesti kekal terbuka, aktif dan sah untuk pengkreditan Ganjaran selaras dengan T&S di sini.
9. Sekiranya Akaun Penyertaan Pelanggan Layak ditutup kerana sebarang sebab pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan sebelum Ganjaran dikreditkan dalam Akaun, Pemegang Akaun Layak akan hilang kelayakan daripada menerima Ganjaran.

#### **MEMENUHI PULANGAN GANJARAN**

10. Pelanggan Layak yang berjaya ("**Pemenang**") akan dimaklumkan oleh Bank melalui khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**"), atau senarai nama-nama Pemenang di laman web Bank, dan / atau dalam sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank tidak lewat daripada 29 Februari 2020.
11. Untuk mengelakkan keraguan, adalah kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat perhubungan mereka yang terkini dan tepat (iaitu nombor telefon mudah alih dan / atau nombor telefon talian tetap) kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi di atas apa jua sebab.
12. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang sebelum 29 Februari 2020 dan transaksi akan dipancarkan di penyata Akaun Penyertaan Pemenang.
13. Pemenang yang tidak menerima apa-apa notifikasi daripada Bank sehingga 29 Februari 2020 dianggap TIDAK layak atau berhak menerima Ganjaran.
14. Sekiranya tidak menerima Ganjaran, selepas Pemenang diberitahu oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam Klausa 10 di atas, Pemenang akan bertanggungjawab untuk memaklumkan Bank secara bertulis tidak lewat dari 30 hari dari 29 Februari 2020, jika gagal, Ganjaran dianggap telah diterima oleh Pemenang dan Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan daripada Pemenang yang tidak menerima Ganjaran mereka selepas tamat tempoh 30 hari yang disebutkan itu.
15. Perkhidmatan SMS untuk Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("**M3Tech**"), vendor SMS rasmi yang dilantik oleh Bank.

#### **UMUM**

16. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan Baru bersetuju:

- i) telah membaca, memahami dan terikat oleh Terma & Syarat di sini, **Terma-terma dan Syarat-syarat Umum Akaun Bank** dan Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun Penyertaan;
  - ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Baru dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani Bank;
  - iii) untuk memberi kebenaran dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi Pelanggan Baru, termasuk nombor telefon kepada M3Tech, untuk tujuan Promosi ini;
  - iv) untuk mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - v) bahwa Ganjaran tidak dapat berpindah tangan kepada mana-mana pihak ketiga (3) dan tidak dapat ditukarkan dengan kredit pendahuluan, cek atau dalam sebarang jenis manfaat; dan
  - vi) bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
17. Bank berhak:
- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
  - (ii) mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan kesemua atau mana-mana Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
  - (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan, Pelanggan Layak, Pelanggan FD Layak, Pemegang Akaun Layak atas apa jua sebab sekalipun yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlak daripada menyertai Promosi dan/atau layak menerima Hadiah itu; dan
  - (iv) melupuskan Ganjaran sekiranya Terma & Syarat di sini tidak dipatuhi oleh Pemegang Akaun Baru, dan / atau Terma dan Syarat Umum Hong Leong berkenaan dengan CASA / CASA-I, Akaun Penyertaan dan semua undang-undang / peraturan lain yang berkenaan.
18. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi dan publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat seperti dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
20. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia,
21. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit**